

**GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN DASAR KABOTAJ  
NEGERI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**LATAR BELAKANG**

1. Pada 7 Mei 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan pengecualian Dasar Kabotaj berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017 seperti berikut:
  - a. Kapal yang beroperasi dari mana-mana pelabuhan Semenanjung Malaysia ke mana-mana Pelabuhan negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sebaliknya bagi perkhidmatan pengangkutan kargo;
  - b. Kapal yang beroperasi di antara pelabuhan di dalam negeri Sabah;
  - c. Kapal yang beroperasi di antara pelabuhan di dalam negeri Sarawak;
  - d. Pengecualian ini tidak melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan selain daripada perkhidmatan pengangkutan kargo; dan
  - e. Kapal-kapal yang beroperasi di antara negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah tidak tertakluk kepada pengecualian ini.

**PELAKSANAAN**


2. Pengecualian ini adalah terpakai bagi kapal daftaran tempatan dan kapal daftaran asing yang terlibat dalam sektor perkhidmatan pengangkutan kargo.
3. Kapal-kapal yang terlibat dalam pengecualian adalah dikecualikan daripada memiliki Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL).

## KAPAL YANG TIDAK TERLIBAT DALAM PENGECUALIAN

4. Pengecualian ini adalah tidak terpakai bagi kapal-kapal seperti berikut:
  - a. Kapal-kapal yang menjalankan kerja selain daripada perkhidmatan pengangkutan kargo seperti kapal penumpang, RO-RO, *offshore* dan lain-lain; dan
  - b. Kapal menjalankan kerja-kerja berbentuk penyediaan pekhidmatan (*service provider*) seperti *bunkering*, *ship to ship transfer* (STS), dan lain-lain.

## LALUAN YANG TERLIBAT DALAM PENGECUALIAN


5. Tertakluk kepada perenggan 2 di atas, pengecualian tersebut akan melibatkan laluan seperti berikut:



**Gambarajah 1: Laluan di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan dan Sebaliknya**

- a. Dari mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke mana-mana pelabuhan di negeri Sabah dan sebaliknya (contoh: dari Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Sandakan / Pelabuhan Tawau ke Pelabuhan Kelang);

- b. Dari mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke pelabuhan di negeri Sarawak dan sebaliknya (contoh: dari Pelabuhan Bintulu ke Pelabuhan Tanjung Pelepas / dari Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Kuching);
- c. Dari mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke pelabuhan di Wilayah Persekutuan Labuan dan sebaliknya (contoh: dari Pelabuhan Pelabuhan Kelang ke Pelabuhan Labuan dan sebaliknya);




**Gambarajah 2: Laluan di dalam Negeri Sabah dan Negeri Sarawak**

- d. Di antara mana-mana pelabuhan di dalam negeri Sabah (contoh: dari Pelabuhan Sepanggar ke Pelabuhan Sandakan dan sebaliknya/ dari Pelabuhan Tawau ke Pelabuhan Sandakan dan sebaliknya); dan
- e. Di antara mana-mana pelabuhan di dalam negeri Sarawak (contoh: dari Pelabuhan Kuching ke Pelabuhan Bintulu ke Pelabuhan Miri dan sebaliknya).

## LALUAN YANG TIDAK TERLIBAT DALAM PENGECCUALIAN

6. Laluan-laluan yang tidak termasuk dalam pengecualian adalah seperti berikut:



**Gambarajah 3: Laluan yang tidak termasuk dalam pengecualian**

- Di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia (Contoh: Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas dan sebaliknya);
- Dari negeri Sarawak ke negeri Sabah dan sebaliknya (Contoh: Pelabuhan Bintulu ke Pelabuhan Sepanggar dan sebaliknya/ Pelabuhan Tawau ke Pelabuhan Kuching dan sebaliknya);
- Dari negeri Sarawak ke W.P. Labuan dan sebaliknya; dan
- Dari negeri Sabah ke W.P. Labuan dan sebaliknya.

## MEKANISME PENGECUALIAN

7. Pengecualian adalah diberikan seperti berikut:
  - a. Kapal-kapal yang terlibat dalam pengecualian tersebut adalah mendapat pengecualian secara **AUTOMATIK**;
  - b. Kapal-kapal yang terlibat **TIDAK** perlu membuat sebarang permohonan berkenaan pengecualian tersebut; dan
  - c. **TIADA** bayaran yang dikenakan bagi pengecualian tersebut.
8. Undang-undang dan peraturan sedia ada adalah masih terpakai ke atas semua kapal yang terlibat dalam pengecualian ini.
9. Kapal-kapal yang **TIDAK TERLIBAT** dalam pengecualian tersebut adalah **PERLU** memohon **LESEN PERKAPALAN DALAM NEGERI (DSL)** daripada Kementerian Pengangkutan. Kegagalan untuk memiliki DSL adalah satu kesalahan.

## TARIKH KUATKUASA

10. Pengecualian ini akan berkuat kuasa pada **1 Jun 2017**

Bahagian Maritim  
Kementerian Pengangkutan  
Mei 2017